


Bila menjawab, sila  
nyatakan nombor ini.  
NO.SEBUTHARGA:(01/2017)dlm.KKM.S.400-10/2/55

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
WILAYAH PERSEKUTUAN

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)



No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian  
Kewangan 221104/221101

Perlawaan Sebutharga dikeluarkan  
oleh :  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN  
KOMPLEMENTARI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
ARAS 1, BLOK E  
JALAN CENDERASARI,  
505090 KUALA LUMPUR

Tarikh: 18 MAY 2017

Sila beri Sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah terfakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

- 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan
- 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki:
- 1.3 Arahah Pengiriman
- 1.4 Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dalam dua(2)sampul surat yang berasingan dan berlakri dan bertanda No.Sebutharga (01/2017)dlm.KKM.S.400-10/2/55Kegagalan pihak tuan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran anda ditolak.
- 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat UNIT KEWANGAN, BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI ,KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA, ARAS 1, BLOK E JALAN CENDERASARI, 505090 KUALA LUMPUR selewat-lewatnya jam 12.00 T/HARI pada 26 MAY 2017 Surat tawaran perkhidmatan akan dimaklumkan hanya kepada syarikat/penender yang berjaya selewat-lewatnya 3 hari sebelum perkhidmatan bermula.
- 1.6 Tempoh sah laku Sebutharga hendaklah sehingga 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: 18 MAY 2017

DR. SOH CHONG SOON  
Tandatangan.....  
Penjawat.....  
Nama Pegawai.....  
Jawatan.....  
Dan Komplementari.....  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
<b>Perkhidmatan PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL BAGI TEMPOH 1 TAHUN BERMULA 15 JULAI 2017 HINGGA 14 JULAI 2018 BAGI 10 (SEPULUH) HOSPITAL SEPERTI DILAMPIRAN SPESIFIKASI SEBUTHARGA</b>  Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ditawarkan.....  * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan	Bil orang			JUMLAH

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan;
- ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan diatas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat diatas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebutharga: .....  
Nama dan K/P: .....  
Alamat: .....

## **NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA - PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI HOSPITAL / FASILITI KERAJAAN**

Menurut kepada Kementerian Kewangan Malaysia bahawa perolehan kerajaan yang dipelawa dengan Surat Setuju Tawaran (SST) dikeluarkan pada / selepas 1 April 2015, syarikat yang berdaftar GST boleh mengenakan GST ke atas perkhidmatan / kerja yang ditawarkan. Dengan ini, notis ini dikeluarkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi tujuan menyelaraskan prosedur pelawaan sebut harga seperti butiran berikut bagi perolehan perkhidmatan PT&K di Hospital / Fasiliti Kerajaan.

### **A. Tawaran Harga Syarikat**

- i. Semua tawaran harga sebut harga oleh syarikat hendaklah dikemukakan **TANPA KENAAN GST**, sama ada syarikat tersebut berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atau tidak.
- ii. Jabatan akan mengeluarkan surat makluman kepada syarikat yang berjaya mendapat tawaran supaya membuat pengistiharan status pendaftaran GST sebelum SST dikeluarkan;
- iii. Sekiranya syarikat yang berjaya mendapat tawaran adalah berdaftar GST dengan JKDM, Jabatan ini akan mengeluarkan SST dan kontrak kepada syarikat dengan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan GST. Pengiraan Bon Pelaksanaan (BP) bagi kontrak adalah berdasarkan nilai kontrak termasuk kenaan GST;
- iv. Bagi syarikat yang berjaya mendapat tawaran dan mengisyiharkan tidak dikenakan cukai GST, SST dan kontrak yang dikeluarkan adalah harga asal tanpa kenaan GST.
- v. Bagi syarikat yang mengisyiharkan tidak dikenakan cukai GST, tetapi akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut; syarikat hendaklah:
  - a. Memaklumkan dengan segera kepada Jabatan berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST;
  - b. Mengemukakan Nombor Pendaftaran GST dan salinan sijil pendaftaran GST secepat mungkin; dan
  - c. Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST.
  - d. Nilai BP adalah dikira berdasarkan harga kontrak termasuk kenaan GST

### **B. Penilaian Perolehan Secara Sebut Harga**

- i. Penilaian harga bagi sebut harga akan dibuat oleh pihak Jabatan berdasarkan harga tawaran tanpa GST.
- ii. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana penyebut harga jua pun. Keputusan BPTK adalah muktamad dan BPTK tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana penyebut harga.

Pihak syarikat adalah dipohn merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan iaitu PK 1/2013 <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/topik/PK1.pdf> dan pindaan PK 1/2013 Para 6(xiv) [http://www.treasury.gov.my/pekeliling/pindaan/PK1\\_ms36\\_40.pdf](http://www.treasury.gov.my/pekeliling/pindaan/PK1_ms36_40.pdf) daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi penerangan lebih lanjut.

Harap maklum.

Disediakan oleh:

Urusetia Jawatankuasa Sebut Harga  
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tel: 03-22798100 ext 343/677/101

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA****1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA****2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga ..... serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

**2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

**3. TEMPOH SIAP KERJA\***

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi ..... minggu.

**4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA\***

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM ..... (Ringgit Malaysia: ..... sahaja).

**5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

**6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tataterib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

---

\* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

+ Pengiraan harga dokumen sebut harganya hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang diletakkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang

yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratakan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

#### 9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### 10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah dierangkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

#### 11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

### **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

#### 12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah dierangkan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

#### 13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah dierangkan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

#### 14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah dierangkan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah dierangkan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

<b>SENARAI SEMAK SEBUTHARGA (URUTAN SELEPAS BERSALIN)</b>		No. rujukan sebut harga:(01/2017)KKM.S.400-10/2//55 Tarikh & masa tutup sebutharga:		
Sila tandakar <input checked="" type="checkbox"/> bagi dokumen yang telah disertakan.	<b>Bil.</b>	<b>Perkara/ Dokumen</b>	<b>Untuk ditanda oleh Syarikat</b>	<b>Untuk ditanda oleh AJK Pembuka Sebut Harga</b>
<b>A. Syarikat</b>				
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)			
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)			
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)			
4	Borang sebut harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani			
5	Borang maklumat Penyebut harga (Lampiran Q)			
6	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)			
7	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir			
8	Profil kontraktor atau syarikat beserta <i>curriculum vitae (CV)</i> pegawai atasan syarikat			
9	Jadual pengamal tetap dan nama pengamal pengganti. Jika memohon lebih dari satu hospital, sertakan senarai nama pengamal beserta pengganti bagi setiap hospital			
10	<i>Curriculum vitae (CV)</i> pengamal tetap			
11	<i>Curriculum vitae (CV)</i> pengamal pengganti			
12	Pengamal berpengalaman lebih daripada lima (5) tahun di dalam bidang berkaitan, disertakan bukti (salinan surat daripada ketua komuniti/kampung atau surat sokongan majikan terdahulu)			
13	Salinan sijil kelayakan dalam bidang berkaitan yang disahkan			
14	Salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)			
15	Salinan kad pengenalan bagi setiap pengamal			
16	Salinan sijil pendaftaran dengan badan pengamal yang diiktiraf oleh KKM			
17	Sekurang-kurangnya satu (1) keping gambar ukuran pasport (pengamal tetap & pengganti)			
18	Salinan sijil GST			
<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT (* Pengesahan salinan dokumen adalah oleh Pegawai Kerajaan kumpulan A/ketua kampung/ketua mukim/ketua komuniti/ pesuruhjaya sumpah sahaja)</b>		<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>		
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah Tandatangan:		Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada). Tandatangan I : Tandatangan II :		
Nama:		Nama: Nama:		
Jawatan:		Jawatan: Jawatan:		
Tarikh:		Tarikh: Tarikh:		

**PEMATUHAN SPESIFIKASI SEBUTHARGA  
PERKHIDMATAN URUT LEPAS BERSALIN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI, KKM**

INSTITUSI/BUTIRAN PENGAMAL	i) Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan			ii) Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu			iii) Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah		
	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Pengganti*
Nama Pengamal tetap dan nama pengamal pengganti									
Kelayakan dalam bidang berkaitan yang disahkan berserta salinan sijil (Nyatakan bidang kelayakan/tahun diambil dan kepikan salinan)									
Umur pengamal tidak kurang dari 27 tahun									
Pengalaman Pengamal / tahun Pengalaman (Sila kepikan bukti pengalaman/surat pengesahan majikan)									
Pengalaman Pengamal / tahun pengalaman bekerja di hospital kerajaan (Senaraikan tempat dan tahun berkhidmat jika ada dan sila kepikan bukti pengalaman)									
Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Setaraf									
*Bagi pengamal urutan yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik seperti Sijil pelajaran Malaysia (SPM), disyaratkan berkebolehan untuk membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu									
Berdaftar dengan badan pengamal yang diliyakrif oleh KKM (Sila kepikan salinan sijil pendaftaran)									
Curriculum Vitae (CV) Pengamal (Sila kepikan salinan)									
No.Kad Pengenalan (Sila kepikan salinan)									
Gambar pasport									
*Sila kepikan salinan									
Unit UKURAN/Kuantiti/Kadar sebulan/ yang ditawarkan TANPA KENAAAN GST	RM	/ BULAN	/ BULAN	RM	/ BULAN	/ BULAN	RM	/ BULAN	/ BULAN
Harga sepanjang tempoh kontrak TANPA KENAAAN GST	RM	/ BULAN	/ BULAN	RM	/ BULAN	/ BULAN	RM	/ BULAN	/ BULAN

**PEMATUHAN SPESIFIKASI SEBUTHARGA  
PERKHIDMATAN URUT LEPAS BERSALIN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI, KKM**

INSTITUSI/BUTIRAN PENGAMAL	(iv) Hospital Putrajaya	v) Hospital Sultan Ismail, Johor	vi) Hospital Umum, Sarawak
	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengganti*	Pengamal Pengganti*
Nama Pengamal tetap dan nama pengamal pengganti			
Kelayakan dalam bidang berkaitan yang disanarkan beserta salinan sijil (Nyatakan bidang kelayakan/tarun diambil dan kepikan sahany)			
Umur pengamal tidak kurang dari 27 tahun			
Pengalaman Pengamal / tahun Pengalaman (Sila kepilkhan bukiti pengalaman/surat pengesahan majikan)			
Pengalaman Pengamal / tahun pengalaman bekerja di hospital kerajaan (Senarakkan tempat dan tahun berkhidmat jika ada dan sila kepilkhan bukiti pengalaman)			
Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Setaraf			
*Bagi pengamal urutan yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik seperti Sijil pelajaran Malaysia (SPM), disyaratkan berkebolehan untuk membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu			
Berdaftar dengan badan pengamal yang diktiraf oleh KKM (Sila kepilkhan salinan sijil pendaftaran)			
Curriculum Vitae (CV) Pengamal (Sila kepilkhan salinan)			
No.Kad Pengenalan (Sila kepilkhan salinan)			
Gambar pasport			
*Sila kepilkhan salinan			
Unit Kuarantuan/ Kadar sebulan/ yang ditawarkan TANPA KENAAAN GST	RM / BULAN RM / tahun	RM / BULAN RM / tahun	RM / BULAN RM / tahun
Harga sepanjang tempoh kontrak TANPA KENAAAN GST	RM / BULAN RM / tahun	RM / BULAN RM / tahun	RM / BULAN RM / tahun

LAMPIRAN A1

**PEMATUHAN SPESIFIKASI SEBUTHARGA  
PERKHIDMATAN URUT LEPAS BERSALIN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI, KKM**

INSTITUSI/BUTIRAN PENGAMAL	vii) Hospital Duchess Of Kent, Sabah Putrajaya	viii) Pusat Bersalin Berisiko Rendah MAWP, Pengamal Tetap*	vii) Pusat Bersalin Berisiko Rendah MAWP, Putrajaya	viii) Hospital Jasin Pengamal Pengantin*	vii) Pusat Bersalin Berisiko Rendah MAWP, Putrajaya	viii) Hospital Jasin Pengamal Pengantin*
Nama Pengamal tetap dan nama pengamal pengantin	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengantin*	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengantin*	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengantin*
Kelayakan dalam bidang berkaitan yang disahkan berserta salinan sijil ( <i>Nyatatan bidang kelayakan/faturn diambil dan kepikan salinan</i> )						
Umur pengamal tidak kurang dari 27 tahun						
Pengalaman Pengamal / tahun Pengalaman (Sila kepikan bukti pengalaman/ surat pengesahan majikan)						
Pengalaman Pengamal / tahun pengalaman bekerja di hospital kerajaan (Senaraikan tempat dan tahun berkhidmat jika ada dan sila kepikan nukti pengalaman)						
Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Setaraf						
*Bagi pengamal urutur yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik seperti Sijil pelajaran Malaysia (SPM) disyaratkan berkebolehan untuk membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu						
Berdasarkan dengan badan pengamal yang diktiraf oleh KKM (Sila kepikan salinan sijil pendafaran)						
Curriculum Vitae (CV) Pengamal (Sila kepikan salinan)						
No.Kad Pengenalan						
*Sila kepikan salinan						
Gambar pasport						
*Sila kepikan salinan						
Unit Urusan/Kuantiti/Kadar sebulan/ yang ditawarkan TANPA KENAAAN GST	RM RM	/BULAN /tahun	RM RM	/BULAN /tahun	RM RM	/BULAN /tahun
Harga separjang tempoh kontрак TANPA KENAAAN GST	RM RM	/BULAN /tahun	RM RM	/BULAN /tahun	RM RM	/BULAN /tahun

**PEMATUHAN SPESIFIKASI SEBUTHARGA**  
**PERKHIDMATAN URUT LEPAS BERSALIN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI, KKM**

<b>INSTIITUSI/BUTIRAN PENGAMAL</b>	x) Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang		
Nama Pengamal tetap dan nama pengamal pengganti	Pengamal Tetap*	Pengamal Pengganti*	
Kelayakan dalam bidang berkaitan yang berkaitan yang disahkan beserta sijil (Nyatakan bidang kelayakan/tahun diambil dan kepikan salinan)			
Umur pengamal tidak kurang dari 27 tahun			
Pengalaman Pengamal / tahun Pengalaman <i>(Sila kepikan bukti pengalaman/surat pengesahan majikan)</i>			
Pengalaman Pengamal / tahun pengalaman bekerja di hospital kerajaan <i>(Senaraikan tempat dan tahun berkhidmat jika ada dan sila kepikan bukti pengalaman)</i>			
Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Setaraf <i>*Bagi pengamal urutan yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik seperti Sijil pelajaran Malaysia (SPM), disyaratkan berkebolehan untuk membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu</i>			
Berdaftar dengan badan pengamal yang dilihat oleh KKM <i>(Sila kepikan salinan sijil pendafaran)</i>			
Curriculum Vitae (CV) Pengamal <i>(Sila kepikan salinan)</i>			
No.Kad Pengenalan <i>*Sila kepikan salinan</i>			
Gambar pasport <i>*Sila kepikan salinan</i>			
Unit UKuran/Kuantiti/Kadar sebulan/ yang ditawarkan <b>TANPA KENAAN GST</b> <i>Harga sepanjang tempoh kontrak TANPA KENAAN GST</i>	RM / BULAN / tahun	RM / BULAN / tahun	Tarikh

Catatan: Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam ringkasan sebut harga.

Tandatangan Syarikat: .....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN  
KOMPLEMENTARI (PT&K) PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL  
DI UNIT PT&K FASILITI KESIHATAN KERAJAAN**

**A. PENDAHULUAN**

1. Kabinet telah meluluskan penubuhan unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di tiga (3) buah hospital iaitu Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang, Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Ismail, Johor. Kini terdapat 15 unit PT&K telah ditubuhkan di fasiliti kesihatan kerajaan.
2. Perkhidmatan yang ditawarkan di unit PT&K pada masa ini adalah Akupunktur, Urutan Tradisional, Penjagaan Tradisional Postnatal, Terapi Herba sebagai rawatan sampingan untuk pesakit Kanser (Herba Onkologi), Ayurveda dan Terapi Basti Luaran (*External Basti Therapy*).
3. Bagi sebut harga ini, kontraktor-kontraktor yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan bagi menyediakan perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional Postnatal di fasiliti kesihatan kerajaan seperti berikut:
  - i) Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan;
  - ii) Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu;
  - iii) Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah;
  - iv) Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang;
  - v) Hospital Putrajaya;
  - vi) Hospital Sultan Ismail, Johor;
  - vii) Hospital Umum Sarawak;
  - viii) Hospital Duchess of Kent, Sabah;
  - ix) Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1 Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Putrajaya; dan
  - x) Hospital Jasin, Melaka.

## B. SKOP PERKHIDMATAN

4. Skop perkhidmatan adalah:
  - 4.1. Menjalankan rawatan dengan kaedah Penjagaan Tradisional Postnatal di fasiliti kesihatan kerajaan yang berkenaan, berdasarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) terbitan Kerajaan Malaysia;
  - 4.2. Memberikan ceramah dan latihan untuk program *Continuous Professional Development* (CPD) bila diperlukan;
  - 4.3. Terlibat dalam bidang kajian Perubatan Tradisional Melayu atau yang berkaitan dengan bidang PT&K;
  - 4.4. Terlibat dalam bidang pembangunan dan pembentukan standard serta garispanduan bagi rawatan berkaitan;
  - 4.5. Terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia atau kerjasama dengan agensi luar yang berkaitan; dan
  - 4.6. Turut menjalankan rawatan dengan kaedah Urutan Tradisional di fasiliti kesihatan kerajaan yang berkenaan, berdasarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) terbitan Kerajaan Malaysia.

## C. PERKHIDMATAN DAN TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

5. Kontraktor atau syarikat yang berminat hendaklah:
  - 5.1. Menyediakan perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional Postnatal dan yang berkaitan di fasiliti kesihatan kerajaan yang berkenaan, berdasarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) terbitan Kerajaan Malaysia;

- 5.2. Turut menyediakan rawatan dengan kaedah Urutan Tradisional di fasiliti kesihatan kerajaan yang berkenaan, berdasarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) terbitan Kerajaan Malaysia;
- 5.3. Memastikan semua perkhidmatan yang disediakan perlu mematuhi undang-undang yang berkaitan;
- 5.4. Melaksanakan perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional Postnatal dan mematuhi petunjuk prestasi dan pelan pelaksanaan yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- 5.5. Memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah mematuhi piawai yang ditentukan dan memastikan ianya dipatuhi pada setiap masa;
- 5.6. Melantik pengamal PT&K yang memenuhi kriteria seperti berikut;
  - 5.6.1. Warganegara Malaysia;
  - 5.6.2. Berumur 27 hingga 65 tahun;
  - 5.6.3. Berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang Penjagaan Tradisional Postnatal;
  - 5.6.4. Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan;
  - 5.6.5. Mempunyai bukti pengesahan pengalaman dalam bidang berkaitan daripada ketua kampung / komuniti / majikan terdahulu;
  - 5.6.6. Lulus Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau disyaratkan berkebolehan untuk berkomunikasi, membaca

dan menulis di dalam Bahasa Malaysia sekiranya tidak mempunyai kelayakan akademik tersebut; dan

- 5.6.7. Tidak mempunyai sebarang rekod aduan yang berkaitan;
- 5.7. Memastikan supaya pengamal yang bertugas di unit PT&K fasiliti kesihatan kerajaan yang berkenaan adalah pengamal yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia;
- 5.8. Memastikan supaya pengamal yang diluluskan menandatangani Perakuan Berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- 5.9. Memastikan supaya pengamal PT&K yang dilantik menjalani pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan bertauliah dan diperakui sihat untuk berkhidmat. Kos pemeriksaan kesihatan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat pembekal;
- 5.10. Memastikan supaya pengamal yang dilantik mematuhi undang-undang yang berkaitan;
- 5.11. Memastikan supaya pengamal yang dilantik tidak mempromosikan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di premis persendirian kepada pesakit di hospital, ketika waktu bekerja;
- 5.12. Meningkatkan kompetensi pengamal dengan menyertai program peningkatan kompetensi seperti seminar/ bengkel/ ceramah dan lain-lain untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengamal dalam bidang yang berkaitan; dan
- 5.13. Menyediakan uniform yang bersesuaian kepada pengamal PT&K, seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan memastikan supaya pengamal mengenakan uniform pada setiap masa ketika waktu bertugas.

## **D. BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAMAL**

6. Bidang tugas dan tanggungjawab pengamal PT&K adalah seperti berikut;
  - 6.1. Bertanggungjawab terus kepada Pengarah Hospital;
  - 6.2. Memastikan supaya perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional Postnatal yang disampaikan adalah selamat dan berkualiti, serta mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan;
  - 6.3. Mewujudkan suasana kerja yang harmoni dalam kalangan anggota di hospital;
  - 6.4. Membantu merancangkan perkembangan perkhidmatan PT&K di hospital;
  - 6.5. Terlibat dalam memberikan latihan berterusan kepada anggota hospital;
  - 6.6. Mematuhi kod etika pengamal PT&K dan lain-lain peraturan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia;
  - 6.7. Menjalani latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
  - 6.8. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia atau kerjasama dengan agensi luar yang berkaitan;
  - 6.9. Perlu hadir bertugas di luar waktu pejabat apabila perkhidmatan mereka diperlukan terutama dalam hal-hal kecemasan;
  - 6.10. Memaklumkan kepada pihak syarikat dan ketua unit PT&K sekiranya tidak hadir bertugas sama ada kerana cuti rehat, cuti sakit, cuti kecemasan atau lain-lain situasi yang berkaitan;

- 6.11. Pengamal adalah tidak dibenarkan untuk mempromosikan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di premis persendirian kepada pesakit di hospital, ketika waktu bekerja;
- 6.12. Mengenakan uniform yang telah dibekalkan oleh syarikat pembekal, seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, pada setiap masa ketika waktu bertugas; dan
- 6.13. Lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Pengarah hospital dan Pegawai Atasan Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **E. WAKTU BERKHIDMAT**

7. Waktu bekerja adalah mengikut waktu bekerja pejabat agensi kerajaan yang ditetapkan mengikut negeri dan wilayah persekutuan masing-masing.
8. Pengamal mestilah berada di hospital pada setiap waktu bekerja kecuali cuti am dan hari keselepasan am.
9. Pengamal perlu menjalankan tugas rasmi di luar waktu bekerja biasa seperti yang diarahkan oleh Pengarah hospital dan pegawai atasan Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **F. PERMULAAN PERKHIDMATAN**

10. Perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional Postnatal di fasiliti kesihatan kerajaan akan bermula seperti yang tertera dalam pelawaan sebut harga.

## G. BILANGAN PENGAMAL

11. Sekurang-kurangnya seorang pengamal PT&K iaitu seorang pengamal perempuan perlu bertugas di unit PT&K pada setiap waktu bekerja.
12. Senarai nama pengamal pengganti (perempuan) disertakan sekiranya pengamal tetap bercuti atau tidak dapat hadir bertugas atas sebarang sebab.
13. Bilangan pengamal mungkin bertambah bergantung kepada permintaan (bergantung kepada kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia).

## H. CADANGAN

14. Kontraktor atau syarikat yang berminat adalah dijemput untuk mengemukakan cadangan bagi projek ini. Cadangan terperinci mestilah merangkumi perkara seperti berikut;
  - 14.1. Pelan perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan PT&K di fasiliti kesihatan kerajaan;
  - 14.2. Senarai nama calon pengamal PT&K yang ingin dilantik beserta dokumen sokongan calon pengamal yang lengkap seperti berikut;

Bil.	Dokumen	Kuantiti
i	<i>Curriculum Vitae (CV)</i>	1
ii	Salinan Kad Pengenalan	1
iii	Gambar berukuran passport	1
iv	Salinan sijil SPM atau yang setaraf (jika tiada, perlu mengemukakan surat bukti pengesahan bahawa pengamal berkebolehan untuk berkomunikasi, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia)	1
v	Salinan sijil kelayakan dalam bidang berkaitan	1

vi	Surat bukti pengesahan pengalaman dalam bidang berkaitan daripada ketua kampung / komuniti / majikan terdahulu;	1
vii	Surat pengesahan daripada majikan terdahulu sebagai pembuktian pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan (jika berkaitan)	1

14.3. Kos yang terperinci bagi setiap fasiliti kesihatan kerajaan; dan

14.4. Profil kontraktor atau syarikat dengan *CV* pegawai atasan.

## I. MAKLUMBALAS

15. Semua cadangan perlu dikemukakan kepada:

Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

Blok E, Tingkat 1, Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur

No.Tel : 03-2279 8100

No.Faks : 03-2691 1259

## J. PERTANYAAN

16. Sebarang pertanyaan mengenai projek ini, kontraktor atau syarikat yang berminat boleh menghubungi;

Teh Li Yin / Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus  
Cawangan Dasar dan Perkembangan  
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Blok E, Tingkat 1, Jalan Cenderasari  
50590 Kuala Lumpur  
No.Tel : 03-2279 8100 sambungan 146 / 678  
No.Faks : 03-2697 1500 / 03-2691 1259  
Email : [tehliyin@moh.gov.my](mailto:tehliyin@moh.gov.my)  
[tajuliqmal@moh.gov.my](mailto:tajuliqmal@moh.gov.my)

LAMPIRAN 1

(SAP bertarikh 1 April 2010)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender / Sebut-Harga)

Saya, ..... nombor K.P ..... yang  
mewakili ..... nombor  
Pendaftaran

..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya  
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada  
mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain,  
sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan  
Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat perisyiharan  
ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar  
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam.....  
atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \* seperti di atas,  
maka saya sebagai waki syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi tender / sebut harga \* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana  
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\*  
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat  
Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. K.P)

Cop Syarikat:

Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.